

Poligami dan Gender dalam *Tok Guru* karya  
Shahnon Ahmad dan *Pujangga Melayu* karya  
Mohd. Affandi Hassan

Polygamy and Gender in Shahnon Ahmad's *Tok Guru* and  
Mohd. Affandi Hassan's *Pujangga Melayu*

MOHD. ZARIAT ABDUL RANI

ABSTRAK

*Keadilan merupakan nilai tertinggi yang menunjangi pemahaman tentang etika dan moraliti Islam. Hal ini jelas, umpamanya dalam poligami yang menjadikan soal keadilan sebagai prasyarat yang paling utama dalam pemahaman dan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, dalam dunia moden hari ini, poligami menjadi topik perdebatan yang sering menimbulkan pertikaian, terutamanya dalam kalangan golongan feminis yang menganggapnya sebagai satu praktik perkahwinan yang korup. Tanggapan yang seumpama ini dengan sendirinya menimbulkan persepsi yang bersifat paradoksikal, kerana Islam di satu pihak dikatakan begitu mempertahankan soal keadilan; tetapi pada masa yang sama menghalalkan satu amalan perkahwinan yang dianggap hanya menguntungkan satu gender dan merugikan satu gender yang lain. Dalam konteks ini, makalah ini berusaha untuk meneroka persoalan di atas secara lebih lanjut dengan menjadikan novel-novel Melayu sebagai bahan kajian. Makalah ini bertujuan meneliti persepsi novelis Melayu tentang poligami, serta meninjau bagaimana pertikaian tentang soal keadilan dalam poligami ditangani melalui karyakarya mereka. Untuk tujuan itu, makalah ini meneliti dua buah novel iaitu Tok Guru (1988) karya Shahnon Ahmad dan Pujangga Melayu (1998) karya Mohd. Affandi Hassan. Selain reputasi kedua-dua novelis yang sedia mencipta nama dan berpengaruh dalam dunia kesusastraan Melayu masa kini, novel-novel tersebut dipilih berdasarkan ceritanya yang berlegar tentang poligami, serta isu-isu gender yang dibangkitkan. Analisis mendapati bahawa keduadua novel yang dikaji mengutarakan persepsi-persepsi yang tersendiri tentang poligami. Analisis juga mendapati bahawa setiap novel yang dikaji mengemukakan pendekatan yang saling berbeza dalam menangani soal keadilan dalam poligami. Perbezaan persepsi dan pendekatan yang dikemukakan dalam novel-novel ini dianggap menarik untuk dibincangkan lebih lanjut, dalam usaha mendalamkan perbahasan tentang poligami dan gender.*

*Kata kunci:* Islam, gender, poligami, keadilan

## ABSTRACT

In Islam, justice is the ultimate value in the understanding of ethics and morality. This valuation is evident in polygamy, as justice is the most important prerequisite in the understanding and application of the practice. The onset of modernity, however, has seen polygamy engender various forms of disputation, especially among modern feminists who by and large assume the practice to be one that perpetuates gender inequality and injustice. This in turn give rise to paradoxical perceptions, because on the one hand, Islam is said to be a religion that patently espouses justice; but on the other, Islam is seen as perpetuating a marriage practise (polygamy) that seemingly benefits one gender at the expense of the other. It is in this context that this article explores the above paradox with reference to Malay novels. This article aims to detail perceptions on polygamy of Malay novelists, as well as to explore how gender issues in the context of polygamy are presented within their works. Two novels will be analysed: *Tok Guru* (1988) by Shahnon Ahmad and *Pujangga Melayu* (1998) by Mohd. Affandi Hassan. Beside the fact that these novels have attained privileged status within the Malay literary world, they are pertinent to this study more because of their respective treatments of polygamy and gender issues. Analysis indicates that each novel proposes a different outlook and approach to deal with the issue of polygamy and gender. It is interesting to note that these differences will help to extend the debate on the issues of polygamy and gender.

*Keywords:* Islam, gender, polygamy, justice

## MUKADIMAH

Pada dasarnya, keadilan merupakan prinsip penting yang menunjangi ajaran Islam. Hal ini jelas terlihat apabila umat Islam dituntut untuk berlaku adil kepada dirinya sendiri, dan seterusnya terhadap entiti-entiti lain seperti anggota masyarakatnya, flora, fauna termasuklah kosmologi yang melingkungi kehidupan mereka. Dalam konteks ini, adalah penting untuk memahami bahawa ‘keadilan’ di sisi Islam bukan bermaksud untuk menyamaratakan hak dan layanan antara setiap entiti berkenaan, atau komponen-komponen dalam sesuatu entiti, akan tetapi merujuk kepada hak dan layanan yang tepat dan sesuai (proper) mengikut kedudukan dan keutamaannya yang *haq* (true) di sisi Islam, sebagaimana yang dijelaskan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1993:76-77) dalam petikan berikut:

...the concept of justice in Islam does not only refer to relational situations of harmony and equilibrium existing between one person and another, or between the society and the state, or between the ruler and the ruled, or between the king and his subjects, but far more profoundly and fundamentally so it refers in a primary way to the harmonious and right-balanced relationship existing between the man and his self, and in a secondary way

only to such as exists between him and another or others, between him and his fellow men and ruler and king and state and society.

Dengan mengambil kira pengertian ‘keadilan’ yang sedemikian, serta tuntutan dasar Islam supaya manusia berlaku ‘adil’ terhadap diri, serta kehidupan yang melingkunginya, makalah ini ingin menarik perhatian terhadap soal perhubungan sesama manusia, khususnya perhubungan antara gender dalam sistem perkahwinan dan kekeluargaan Islam. Untuk itu, perbincangan akan tertumpu kepada soal poligami yang merupakan antara praktik perkahwinan dan kekeluargaan yang pada amnya dan dari segi hukum *fiqh* dihalalkan Islam. Pemilihan fokus ini mengambil kira kontroversi berterusan yang dilihat menyelubungi topik tentang poligami di sisi Islam. Pada masa kini, kontroversi dilihat berlebar tentang pelaksanaan poligami yang dikatakan membuka ruang terhadap berlakunya penindasan dan ketidakadilan gender. Tanggapan seumpama ini juga dilihat mendorong kepada perbahasan tentang soal kerelevan poligami sebagai satu praktik perkahwinan dan kekeluargaan dalam kalangan masyarakat Islam dewasa ini. Amina Wadud Hussain (seterusnya Hussain), umpamanya berpendapat bahawa hukum *Fiqh* yang membenarkan lelaki Islam berpoligami adalah lanjutan daripada dominasi tafsiran ulama lelaki pada zaman lampau. Justeru, Hussain (1999: 84) menyeru supaya hukum terhadap poligami pada zaman moden ini ditafsir semula dengan memberikan suara yang secukupnya kepada golongan ulama wanita, sebagaimana yang jelas pada kesimpulannya: *...rationale given for polygamy not only has no sanction in the Qur'an, but is clearly un-Qur'anic as it attempts to sanction men's unbridled lust...*

Adalah relevan untuk dinyatakan bahawa polemik yang hampir sama juga tidak terkecuali melanda Malaysia, sebuah negara yang selain majoriti penduduknya beragama Islam, juga mewarisi susur galur sejarah, peradaban dan kebudayaan yang bertunjangkan Islam (Al-Attas 1972). Pada hari ini, telah timbul usaha beberapa pihak di Malaysia seperti pertubuhan yang dikenali sebagai *Sisters in Islam* yang dilihat cenderung mencabar autoriti tafsiran konvensional tentang poligami, antaranya dengan mengemukakan dapatan-dapatan kajian yang memberikan gambaran tentang kelemahan poligami dan diajukan sebagai antara punca berlakunya kezaliman serta penindasan terhadap kaum wanita Islam. Sesungguhnya, pandangan seumpama ini menimbulkan persoalan yang penting untuk ditangani secara serius, kerana Islam di satu pihak dikatakan menjunjung keadilan sebagai satu prinsip dasarnya, seperti yang telah dinyatakan lebih awal, tetapi di pihak yang lain menghalalkan satu praktik perkahwinan yang dianggap oleh sesetengah pihak hanya menguntungkan satu gender dan merugikan satu gender yang lain.

Dengan berlatarbelakangkan permasalahan sedemikian, pengamatan awal mendapati bahawa poligami juga menjadi antara isu yang menarik perhatian beberapa orang penulis kreatif di Malaysia. Dalam hal ini, beberapa novel didapati cenderung untuk menangani soal poligami, termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan peranan, kedudukan dan perhubungan gender dalam praktik perkahwinan

tersebut. Dapat dikatakan bahawa garapan poligami sebagai tema novel dengan sendirinya mengundang penelitian terhadap dua perkara, iaitu apakah persepsi para penulis kreatif di Malaysia tentang poligami dan seterusnya bagaimana persepsi tersebut dimanifestasi secara kreatif dalam karya-karya mereka. Perkara yang terakhir itu menjurus kepada soal peranan karya sastera sebagai medan yang sah (legitimate) dalam menyalurkan pandangan, pemahaman dan tafsiran tentang sesuatu perkara dan dalam konteks perbincangan ini ialah poligami. Dalam usaha meneliti kedua-dua perkara di atas, makalah ini memilih dua buah novel Melayu sebagai bahan kajian, iaitu *Tok Guru* (1988) karya Shahnon Ahmad (seterusnya Shahnon) dan *Pujangga Melayu* (1996) karya Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Affandi). Selain soal poligami yang menjadi tema ceritanya, pemilihan kedua-dua novel tersebut juga mengambil kira kedudukan kedua-dua novelisnya yang telah dikenali dalam dunia kesusasteraan Melayu, dan hal ini sekali gus menjadikan penelitian terhadap karya-karya mereka sebagai sesuatu yang berbaloi. Pernyataan ini merujuk kepada soal keseriusan mereka terhadap kegiatan sastera, dan soal poligami yang mereka tangani dalam kedua-dua novel tersebut, seperti yang akan dijelaskan lebih lanjut nanti. Pada tahap ini, memadai untuk dikatakan bahawa kedua-dua novel dilihat menawarkan beberapa kemungkinan yang memberangsangkan untuk dijadikan sebagai bahan penelitian, sejarar dengan matlamat untuk meneliti persoalan poligami dan perhubungan gender. Seterusnya, untuk tujuan perbandingan serta memudahkan perbincangan ini diikuti, analisis terhadap kedua-dua buah novel ini akan dilakukan secara berasingan, sebelum hasil dapatan kedua-duanya dirangkumkan pada bahagian kesimpulan nanti.

## POLIGAMI DAN KEDUDUKAN GENDER DALAM *TOK GURU* OLEH SHAHNON AHMAD

Sebelum analisis dimulakan, penting untuk dijelaskan bahawa novel *Tok Guru* dihasilkan pada tahun 1988, iaitu tahun selepas Shahnon secara rasmi mengumumkan dirinya keluar daripada menyertai jemaah Darul Arqam, iaitu sebuah pertubuhan dakwah Islamiah yang kini telah diharamkan oleh kerajaan Malaysia (Ann Wan Seng 2005: 17-33). Pengharaman Al-Arqam oleh kerajaan Malaysia ini adalah berikutan beberapa kandungan ajaran dan tulisan ketuanya, iaitu Asyaari Muhammad yang dianggap bercanggah dengan ajaran Islam serta boleh mengelirukan umat Islam. Walau bagaimanapun, adalah relevan untuk mengetahui bahawa jemaah Darul Arqam mempunyai reputasinya yang akrab dengan poligami. Dalam konteks ini, poligami rata-rata menurut pandangan jemaah Darul Arqam menjadi satu amalan perkahwinan yang mendatangkan faedah kepada umat Islam. Sehubungan itu, bacaan awal mendapati bahawa poligami memang menjadi fokus dalam *Tok Guru*<sup>1</sup>, dan ini ketara apabila ceritanya berlebar tentang kecenderungan lelaki berkahwin dengan lebih daripada seorang wanita. Dengan latar belakangnya sebagai seorang penulis kreatif serta pengalamannya

sendiri yang memang pernah menjadi ahli Darul Arqam, adalah sesuatu yang tidak menghairankan jika Shahnon menjadikan pengalaman beliau semasa bergiat dalam pertubuhan tersebut sebagai bahan kreatif bagi menulis *Tok Guru*. Kajian Maskiah Masrom memperkuatkan lagi pemahaman ini, terutamanya penyataan Ketua Pengarang Bahagian Penerangan Darul Arqam ketika itu, iaitu Pahrol Mohd. Juoi (Maskiah 1989: 126) yang dikutip dalam kajian tersebut, iaitu:

Adalah dikatakan bahawa Shahnon Ahmad menganggotai JDA [singkatan bagi Jemaah Darul Arqam] untuk mendapatkan pengalaman dan bahan bagi menulis novel. Novel terbaru Shahnon Ahmad, *Tok Guru*... dikatakan diilhamkan daripada pengalamannya semasa menyertai JDA....JDA menyifatkan Shahnon Ahmad telah terputus hubungan dengan mereka setelah terbitnya novel itu.

Soal pengalaman Shahnon terlibat dengan Darul Arqam serta pemanfaatan pengalaman tersebut sebagai modal kreatifnya adalah penting untuk dijadikan sebagai konteks dalam usaha memahami persepsi beliau tentang poligami, seperti yang terserlah dalam *Tok Guru*. Hal ini berkaitan dengan imej negatif yang dilabelkan kepada poligami yang diamalkan oleh anggota Darul Arqam yang dikatakan menyeleweng daripada ajaran Islam (Aveling 2000: 201). Berkaitan hal ini, adalah menarik untuk diamati penyataan Bousfield yang menggambarkan perihal poligami yang dilaksanakan oleh Asyhaari Muhammad, iaitu:

...sexual appetites had got the better of him [merujuk Syeikhul Arqam, Ashaari Muhammad] and that he had taken a fifth wife by illegally divorcing one of the first four... (Aveling 2000: 201).

Jelas pada penyataan ini bahawa poligami yang dilaksanakan oleh Asyaa'i Muhammad dianggap oleh Bousfield merupakan poligami yang diselewangkan di sisi Islam, dan ini jelas apabila beliau menyebut tentang tindakan Ketua Darul Arqam tersebut yang dikatakan menceraikan isterinya secara tidak sah bagi membolehkannya berkahwin lagi.

Dalam konteks ini, tidak keterlaluan jika diandaikan bahawa pengalaman tentang poligami yang ditimba oleh Shahnon sepanjang penglibatannya dalam pertubuhan tersebut, dan telah dicurahkan beliau dalam novel *Tok Guru* berlegar sekitar poligami yang diselewangkan. Jangkaan ini dikuatkan lagi dengan tindakan Shahnon yang secara rasmi keluar daripada jemaah tersebut, dan tindakan ini seolah-olah memberikan petanda bahawa apa yang bakal dipaparkan dalam *Tok Guru* adalah satu pembongkaran terhadap ‘poligami Arqam’ yang dianggap menyeleweng daripada ajaran Islam. Akan tetapi, jangkaan awal ini kemudiannya tergugat apabila Shahnon kira-kira 18 tahun selepas menerbitkan *Tok Guru* tampil dengan penyataannya seperti berikut:

... dalam kedua buah karyaku [*Tok Guru* dan *Ummi & Abang Syeikhul*] itu perhubungan seks dikerjasamakan, boleh diagih-agihkan, sedia memberi sanggup menerima; malah begitu manisnya seks seperti madu kalau mengikut tuntutan Islam... (Shahnon 2006: 84).

Penyataan Shahnon ini yang dikutip daripada autobiografi beliau dengan jelas menyerlahkan pengakuan beliau sendiri bahawa poligami yang dipaparkan dalam

*Tok Guru* merupakan poligami yang selaras dengan tuntutan Islam. Dengan timbulnya jangkaan awal yang mengambil kira soal konteks luar teks yang melingkungi penulisan *Tok Guru* seperti yang dihujahkan lebih awal, pengakuan Shahnon ini mengundang keraguan yang akan hanya terjawab pada bahagian akhir analisis novel ini nanti. Pada tahap ini, memadai jika dinyatakan bahawa Shahnon menolak tanggapan bahawa *Tok Guru* memaparkan kisah penyelewengan poligami.

Terlepas daripada pengakuan tersebut, bacaan seterusnya mendapati bahawa *Tok Guru* menampilkan watak seorang guru agama lelaki sebagai protagonisnya. Penampilan protagonis yang sedemikian dilihat memainkan dua peranan penting dalam pembikinan naratif secara keseluruhannya. Pertama, kehadiran protagonis yang sedemikian dengan sendirinya meletakkan protagonis novel pada kedudukan yang kuat dan berpengaruh, iaitu sebagai ‘pakar rujuk agama’, yang persepsinya sukar untuk disangkal dan dipertikaikan. Kedudukan ini dimantapkan lagi dengan kehadiran watak-watak wanita (pasangan poligami) yang hadir sebagai individu yang lemah dan jahil tentang Islam, dan justeru mereka tidak mampu untuk mempersoal, membidas atau mempertikaikan persepsi serta interpretasi yang diutarakan melalui protagonis tersebut. Dengan manipulasi watak yang sedemikian, novel sesungguhnya telah memberikan autoriti kepada protagonis untuk menginterpretasi Islam, khususnya yang bersangkutan dengan hukum serta pelaksanaan poligami. Dan soal autoriti ini memberikan kesan yang tersendiri terhadap garapan poligami *Tok Guru*, dan ini jelas apabila tiadanya pertikaian (contestations) terhadap pandangan dan tafsiran protagonisnya (*Tok Guru*) telah menjadikan beberapa penjelasan dan huraian tentang kewajaran berpoligami menjadi begitu cetek (superficial). Kesan seumpama ini dengan jelas timbul apabila novel membangkitkan tentang kewajaran poligami untuk mengawal nafsu seks suami, serta balasan syurga kepada isteri yang mengizinkan suaminya berpoligami. Akan tetapi, berguna untuk dinyatakan bahawa kecetekan penjelasan dan huraian tentang kewajaran berpoligami ini ada kena mengenanya dengan persepsi tentang poligami yang diperagakan oleh novelisnya, seperti yang akan dijelaskan lebih lanjut nanti. Kedua, sebagai watak lelaki, protagonis tersebut juga dihadirkan dengan peranannya sebagai pengamal poligami. Peranan ini dengan sendiri memungkinkan cerita untuk memaparkan tentang pelaksanaan poligami sebagai manifestasi terhadap persepsi dan tafsiran protagonis tentang poligami. Ini juga bererti bahawa poligami dalam *Tok Guru* beroperasi pada dua tahap, iaitu pandangan/tafsiran dan pelaksanaan.

Lanjutan itu, penting untuk dijelaskan bahawa melalui kedua-dua tahap (pandangan/tafsiran & pelaksanaan) inilah, poligami dalam *Tok Guru* hadir sebagai satu amalan dalam sistem perkahwinan Islam yang dilihat menguntungkan satu gender dan menindas gender yang lain. Persepsi seumpama ini dapat terbina dengan mudah apabila cerita diisi dengan kandungan kuliah Tok Guru yang merumuskan poligami sebagai satu kelebihan yang menawarkan ganjaran pahala yang besar kepada kaum lelaki. Meskipun kaum wanita juga tidak dinafikan hak

menikmati ganjaran pahala seperti kaum lelaki, namun hakikat bahawa watak-watakan wanita dituntut berkorban bukan sahaja dengan mengizinkan suaminya berkahwin lagi, tetapi juga mencari calon isteri baru untuk suaminya, dengan jelas memperlihatkan kesendengan pandangan/tafsiran ‘poligami Tok Guru’ terhadap kaum lelaki, berbanding wanita. Adalah jelas bahawa dengan pandangan/tafsiran yang sedemikian, Tok Guru hadir dalam novel dengan kedudukannya sebagai protagonis yang *bias* kepada kaum sejenisnya, dan tanggapan ini semakin jelas apabila dalam sesi-sesi kuliahnya, Tok Guru mentafsirkan Al-Quran dan Hadith berkenaan fadhilat berpoligami yang kesemuanya condong berpihak kepada kaum lelaki.

Seterusnya, analisis mendapati bahawa dalam konteks kehadirannya sebagai suami yang berpoligami, peranan Tok Guru banyak diambil alih oleh Mamak, muridnya yang jahil tentang Islam dan taksub dengan ajaran gurunya. Dengan ciri perwatakan yang sedemikian, novel dengan mudah menjadikan Mamak sebagai manifestasi praktik terhadap falsafah poligami Tok Guru yang *bias* lelaki. Justeru, poligami yang dipersepsikan oleh Tok Guru sebagai satu ‘kelebihan’ kepada kaum lelaki, kemudiannya direbut oleh Mamak, sebagaimana yang terlihat pada keghairahannya berpoligami. Keghairahan tersebut jelas pada tindakan Mamak mendesak isterinya, Mami untuk mencarikannya isteri baru, selain turut memaksa anak gadisnya, Chumbi menjadi isteri muda Tok Guru. Apa yang jelas ialah kehadiran Mamak sebagai watak pengamal poligami yang *bias* terhadap lelaki, dan sekali gus memanifestasikan ajaran serta tafsiran Tok Guru terhadap poligami yang sedemikian.

Seterusnya, analisis mendapati bahawa pemaparan kisah poligami yang sedemikian dijayakan lagi melalui manipulasi watak-watak wanita. Seperti yang telah dijelaskan lebih awal, protagonis yang hadir sebagai ‘guru agama’ ditemukan dengan watak-watak wanita yang lemah dan jahil tentang Islam seperti Mami dan Chumbi. Pertemuan antara protagonis dengan kedua-dua watak wanita ini, dengan perwatakan yang sedemikian ternyata memudahkan novel mentiadakan sebarang percanggahan atau pertikaian, khususnya tentang poligami tafsiran Tok Guru. Malah, ketika berhadapan dengan watak Mamak dalam konteks peranannya sebagai suami yang berpoligami, watak-watak wanita tersebut menunjukkan ketaatan mereka yang jitu. Watak Mami, misalnya hadir dalam *Tok Guru* sebagai wanita yang hanya menuruti kehendak suaminya yang ghairah beristeri baru. Ketaatannya yang ‘membuta tuli’, umpamanya jelas terbukti apabila Mami tidak membantah keinginan Mamak berkahwin baru, meskipun tanpa sebab-sebab yang munasabah, selain dia sendiri yang sedia mencari calon isteri untuk suaminya. Meskipun cerita ada membangkitkan soal ‘ketaatan’ tersebut yang dikatakan timbul daripada perasaan takut Mami diceraikan Mamak, namun apa yang jelas terkesan daripada ekspresi fizikal dan emosi Mami ialah tiadanya kesedaran yang jelas bahawa apa yang dilakukan oleh suaminya ke atas dirinya itu merupakan satu bentuk diskriminasi dan penindasan terhadap wanita.

Lanjutan itu, menarik juga untuk dibincangkan tentang watak Chumbi yang hadir dalam cerita sebagai wanita yang sedar tentang muslihat serta korupsi watak-watak lelaki. Ini umpamanya jelas apabila Chumbi memaki hamun Tok Guru dan menganggapnya sebagai manusia hipokrit kerana menggunakan Islam untuk memuaskan nafsu seksnya sendiri, selain membenci Mamak kerana begitu taksub terhadap gurunya itu. Akan tetapi, apa yang kemudiannya dipaparkan novel ialah kesudahan nasib Chumbi yang tidak banyak bezanya dengan Mami, terutamanya apabila cerita berakhir dengan tindakan Chumbi yang merelakan dirinya dikahwinkan dengan Tok Guru sekali gus mengorbankan cita-citanya untuk berkahwin dengan Mubarak, jejaka pilihannya sendiri. Hakikat bahawa Chumbi digambarkan tewas dengan kelicikan ‘permainan nafsu’ watak-watak lelaki, dengan sendirinya menjadikan nada-nada ikhtiar wanita menentang diskriminasi dan penindasan yang berlaku ke atas mereka tidak langsung kedengaran dalam *Tok Guru*. Dapatkan ini, dengan sendirinya menyebabkan logik interpretasi Ooi Eng Lye terhadap watak wanita dalam *Tok Guru* sukar untuk diterima. Dalam kajiannya terhadap beberapa novel Shahnon, Ooi Eng Lye (2005:184) berpendapat bahawa: ... Wanita dalam *Tok Guru*... sebenarnya mereka menentang ketidakadilan di kalangan pengamal poligami... Sehubungan dengan pendapat ini, soalan yang dengan mudah timbul ialah: apakah layak watak-watak wanita dalam *Tok Guru* dianggap sebagai penentang kezaliman? Cerita tidak sedikit pun memperlihatkan keazaman serta keberanian watak-watak wanita dalam melawan penindasan yang lakukan oleh watak-watak lelaki terhadap mereka. Apa yang jelas, kehadiran watak-watak wanita seperti Mami dan Chumbi dengan perwatakan yang sedemikian, memungkinkan novel memperkuuhkan persepsi tentang poligami, iaitu seperti yang telah dinyatakan lebih awal: sebagai satu amalan perkahwinan yang hanya menguntungkan kaum lelaki dan menindas kaum wanita.

Merujuk kepada persepsi di atas, analisis ini mendapati bahawa ‘keuntungan’ dan ‘kerugian’ yang dimaksudkan merujuk kepada perkara yang sama, iaitu seks. Ini jelas apabila persoalan pokok tentang poligami yang dibangkit dalam novel ialah soal ‘giliran bermalam’, atau lebih tepat ‘giliran melakukan perhubungan seks. Dalam konteks ini, ‘kelebihan’ bagi kaum lelaki merujuk kepada kebebasannya memilih pasangan seksnya, sebagaimana yang jelas dinikmati oleh Tok Guru dan Mamak yang diceritakan memilih untuk ‘bermalam’ lebih kerap dengan isteri-isteri muda mereka. Manakala, ‘kerugian’ bagi kaum wanita merujuk kepada pembahagian giliran ‘bermalam’ yang tidak seimbang antara isteri tua dengan isteri muda. Ini dengan sendirinya menyerahkan bahawa persepsi tentang poligami yang jelas terpapar dalam *Tok Guru* ialah wujudnya dua ukur tara yang berbeza (double standard) tentang hak serta kedudukan antara lelaki dan wanita dalam kehidupan berpoligami. Persepsi sedemikian dimanifestasikan dengan jelas melalui paparan babak-babak seks yang memperlihatkan secara eksplisit tentang dua perkara, iaitu kerakusan nafsu seks watak-watak lelaki yang bersifat kebinatangan dan kedahagaan seks watak-watak wanita yang

diabaikan suami. Adalah jelas daripada analisis ini bahawa poligami dalam *Tok Guru* hadir sebagai satu praktik perkahwinan Islam yang membuka ruang yang luas kepada berlakunya diskriminasi dan ketidakadilan dalam perhubungan antara gender. Sesungguhnya, dapatan ini dengan jelas membenarkan jangkaan awal bahawa poligami yang terpapar dalam *Tok Guru* ialah poligami yang pandangan/tafsiran dan pelaksanaannya yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

Lanjutan daripada penemuan di atas, perbincangan ini ingin menarik semula perhatian terhadap pengakuan Shahnon tentang kisah poligami yang dipaparkan beliau dalam *Tok Guru*. Seperti yang telah dibangkitkan pada awal perbincangan, Shahnon mengaku bahawa poligami dalam *Tok Guru* adalah sejajar dengan tuntutan Islam. Sesungguhnya, pengakuan ini menimbulkan tanda tanya kerana dapatan analisis ini mendapati bahawa kisah poligami termasuklah pandangan, huraihan, interpretasi dan manifestasi mengenai poligami yang timbul melalui penggembangan alat-alat penceritaan, dengan jelas mengarah kepada satu perkara, iaitu poligami yang hanya menguntungkan kaum lelaki, dan menindas kaum wanita. Dengan mengambil kira beberapa perkembangan serta perubahan signifikan yang didapati berlaku dalam kehidupan novelisnya lewat kebelakangan ini, rasional di sebalik pengakuan Shahnon dalam autobiografinya ini dapat difahami dan diperjelaskan. Sebagai seorang bekas anggota Darul Arqam yang pernah dengan rasmi dan rela hati mengisyiharkan dirinya keluar daripada pertubuhan tersebut, adalah signifikan apabila Shahnon kemudiannya dalam perkembangan peribadinya yang terkini didapati sudi untuk bertemu semula dengan pengasas pertubuhan tersebut dalam suasana yang harmoni. Perkembangan ini dianggap signifikan kerana dapat menjelaskan soal kendurnya persepsi Shahnon terhadap poligami ala Darul Arqam (seperti yang tercatat dalam autobiografi beliau), disebalik pengakuan bekas Ketua Pengarang Bahagian Penerangan Darul Arqam, Pahrol Mohd. Juoi (Maskiah 1989: 126) sendiri bahawa novel *Tok Guru* memang tercetus daripada pengalaman Shahnon sepanjang menganggotai pertubuhan tersebut. Walau apa pun niat dan kesedaran Shahnon ketika menulis autobiografi tersebut, ia tidak sedikit pun menghakis pengesahan penemuan analisis ini bahawa poligami dalam *Tok Guru* dipersepsikan sebagai satu amalan perkahwinan Islam yang membuka ruang terhadap diskriminasi dan ketidakadilan gender, iaitu satu persepsi yang turut terjelma dalam bacaan Harry Aveling (2000: 208) terhadap novel tersebut, sebagaimana yang diakuinya sendiri: *...a literal reading ...may agree that in Tok Guru women are constructed as the passive object of male aggressive sexual exploitation....*

#### POLIGAMI DAN PERANAN GENDER DALAM PUJANGGA MELAYU OLEH MOHD. AFFANDI HASSAN

Analisis seterusnya beralih kepada novel *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan. Sebelum analisis dimulakan, penting untuk perbincangan ini menjelaskan

beberapa perkara utama berkaitan dengan konteks penghasilan novel ini. Pertama, kedudukan *Pujangga Melayu* sebagai ‘manifestasi konkrit’ terhadap aspirasi Affandi tentang kesusasteraan yang dijana dalam satu gagasan yang dikenali sebagai ‘Persuratan Baru’ (seterusnya PB). Sebagai satu gagasan sastera, PB hadir dengan idea pokoknya yang mengutamakan idea/pemikiran, yang sekali gus mencabar dominasi cerita, iaitu satu praktik yang lazim dalam pengkonsepsian novel-novel Melayu masa kini (Mohd. Zariat Abdul Rani 2004). Pada satu pihak, kedudukan *Pujangga Melayu* sebagai ‘manifestasi konkrit’ PB dengan sendirinya mengukur keupayaan Affandi dalam merealisasikan konsep ‘kesusasteraan’ beliau itu dalam bentuk yang konkrit (genre novel), sebagaimana yang dipersoalkan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002:36):

Sesungguhnya, dengan menulis *Pujangga Melayu*, Mohd. Affandi menawarkan dirinya untuk diadili, iaitu adakah Mohd. Affandi ‘bercakap serupa bikin’.

Pada pihak lain, pengkonsepsian *Pujangga Melayu* mengikut kerangka PB yang mengutamakan idea/pemikiran, sekali gus menjanjikan satu kupasan yang serius khususnya tentang poligami menurut pandangan dan tafsiran novelisnya. Jangkaan ini menjadi semakin tinggi apabila Affandi sendiri menganggap bahawa pandangan serta tafsirannya tentang poligami dalam *Pujangga Melayu* sebagai satu ‘sumbangan penting’ beliau (ungkapan beliau sendiri), sebagaimana yang diakui sendiri oleh Affandi (2002: 6):

Saya mengemukakan persoalan [poligami] yang menjadi masalah kepada pembaca sebagai sumbangan penting saya kepada pelaksanaan hukum Islam yang tidak popular ini di Malaysia, dengan menjadikannya asas sebuah keluarga besar seorang intelektual Melayu.

Kedua, kesedaran Affandi sendiri yang pada awal-awal pengkonsepsian novel ini mengamati tentang kecenderungan para penulis di Malaysia yang dilihatnya sering memperagakan poligami sebagai satu punca berlakunya ketidakadilan gender. Dalam hal ini, Affandi berpendapat bahawa kecenderungan sedemikian tidak dapat berlaku adil terhadap hukum Islam yang jelas menetapkan poligami sebagai satu praktik perkahwinan dan kekeluargaan yang sah. Seterusnya, sebagai seorang Islam, Affandi menjelaskan bahawa adalah menjadi tugasnya untuk memikirkan, memahami dan memberikan pemahaman yang jelas dan tepat tentang kedudukan, fungsi serta cara pelaksanaan poligami mengikut tuntutan Islam yang benar (*haqiqi*), melalui karya-karya yang dihasilkan beliau. Adalah jelas pada pengamatan Affandi bahawa perbahasan dan kontroversi tentang poligami pada hari ini lebih didorong oleh sentimen dan emosi, yang mana pada hemat beliau berpunca daripada kegagalan dalam memahami hikmah sebenar yang terkandung dalam pelaksanaan hukum tersebut, sebagaimana yang ditulis oleh Affandi (2002: 6):

Alangkah banyaknya pembetulan kekeliruan terhadap hukum Islam yang harus dilakukan oleh orang Melayu, supaya kejahilan tidak lagi menjadi asas penentangan terhadap poligami sebagai hukum Islam yang dimomokkan dengan kezaliman, penindasan terhadap wanita, dan punca keruntuhan rumah tangga.

Dengan konteks penghasilan yang sedemikian, analisis seterusnya akan mengupas persepsi tentang poligami dalam *Pujangga Melayu*.

Novel *Pujangga Melayu* merupakan sebuah tetralogi yang merangkumkan empat komponen novel, iaitu *Jejak Warisan*, *Citra Pujangga*, *Tampang Sasterawan* dan *Wajah Pendeta*. Cerita dalam keempat-empat novel ini rata-rata berpusat pada kehidupan protagonisnya, Awang yang diceritakan terdidik dalam sebuah keluarga Islam yang menekankan tarbiyah dan adab. Didikan yang sedemikian bukan sahaja menjadikan Awang seorang remaja yang cemerlang dalam pencapaian akademiknya, tetapi juga membentuk keperibadiannya yang unggul di sisi Islam. Dia kemudiannya diceritakan memegang jawatan Profesor di sebuah universiti tempatan dan pada masa yang sama menjadi seorang pengarang yang terkenal dengan falsafah persuratan, iaitu falsafah yang jelas berbeza daripada sasterawan lain di negaranya. Lebih relevan dalam konteks perbincangan ini ialah kehidupan kelamin Profesor Awang yang mengamalkan poligami dengan empat orang wanita, iaitu Tengku Aini Faridah, Dr. Aisyah, Dr. Faridah dan Dr. Salasiah. Oleh kerana cerita dalam keempat-empat komponen novel disusun mengikut kronologi perkembangan usia protagonisnya, maka cerita tentang poligami Awang lebih banyak terkandung dalam dua komponen novel yang terakhir iaitu *Tampang Sasterawan* dan *Wajah Pendeta* (terutamanya) yang berlegar sekitar kisah kehidupan Awang setelah dewasa.

Seperti yang dinyatakan di atas, protagonis novel ini hadir sebagai seorang intelektual yang berpoligami. Hampir sama seperti *Tok Guru*, kedudukan protagonis yang sedemikian dengan sendirinya memungkinkan *Pujangga Melayu* untuk meneroka dan memanifestasikan persoalan tentang poligami pada dua tahap yang berbeza, iaitu tahap pandangan/tafsiran, dan tahap amalan. Walau bagaimanapun, apa yang kemudiannya ketara membezakan antara kedua-dua novel ialah cara kedua-dua tahap tersebut beroperasi. Umpamanya, pada tahap pandangan/tafsiran, tidak seperti *Tok Guru* yang menghadirkan perbincangan yang cetek tentang poligami (kesan daripada kehadiran protagonis yang korup) seperti yang dijelaskan sebelumnya, kupasan dan huraian tentang poligami dalam *Pujangga Melayu* didapati lebih berbobot (substantive). Hal ini juga dilihat berkait rapat dengan kedudukan protagonisnya sebagai seorang sarjana yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang mendalam (profound) tentang poligami yang diamalkannya, dan dengan itu mampu untuk menjelaskan kepada orang di sekelilingnya tentang perkara tersebut secara jelas, sistematis dan mendalam. Dalam konteks ini, satu perkara yang jelas membezakan stail penulisan (*Pujangga Melayu*) dengan *Tok Guru* ialah kehadiran ‘wacana’ (discourse) yang mengisi sebahagian besar halaman dalam *Pujangga Melayu*, berbanding cerita (narrative). Sesungguhnya perkara ini berkait rapat dengan konsep ‘kesusasteraan’ yang menjadi pegangan Affandi, sebagaimana yang telah diperjelaskan beliau secara sistematis dalam kerangka PB. Berbeza dengan ‘cerita’ (yang menurut PB) merujuk kepada kehadiran serta manipulasi alat-alat penceritaan seperti watak, peristiwa, konflik dan sebagainya, ‘wacana’ (menurut

PB) merujuk kepada hujah-hujah yang hadir dalam sesebuah cerita guna menjelaskan sesuatu persoalan secara substantif dan ilmiah tentang sesuatu persoalan atau idea berdasarkan kerangka ilmu yang jelas, dan justeru memungkinkan persoalan/idea tersebut diikuti, dan seterusnya difahami dengan baik dan berkesan (Mohd. Affandi 2004: 54). Penting untuk dinyatakan bahawa kehadiran ‘wacana’ dengan takrifan dan praktisnya yang sedemikian, memungkinkan idea dan pemikiran seseorang penulis yang disalurkan ke dalam novelnya itu diikuti, dan difahami tanpa perlu menyandarkan pemahaman terhadap cerita dan perkembangan cerita secara keseluruhannya. Konsep dan praktis ini diungkapkan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2006: 18-19) sebagai ...prinsip utama mengorganisasi... sesebuah novel (main organising principle), iaitu sama ada ‘membikin-cerita’ (story-making), atau ‘menghujah-idea (idea-elucidating)<sup>2</sup>. Dengan menerapkan prinsip ini, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa penulisan *Pujangga Melayu* dilakukan di atas prinsip ‘menghujah-idea (idea-elucidating), yang dengan sendirinya menjadikan ‘wacana’ tentang poligami dalam novel ini dapat berdiri dengan jelas dan menyakinkan, tanpa perlu disandarkan pada ‘cerita’ yang dipapkannya.

Seterusnya, dengan memanfaatkan bentuk ‘wacana’, novel mengajukan pandangan/tafsirannya tentang fungsi poligami yang dimanfaatkan sebagai salah satu cara yang praktikal dalam menyelesaikan beberapa masalah yang berlaku dalam kehidupan manusia. Menurut novel, pandangan/tafsiran ini bertolak daripada prinsip Islam yang pada dasarnya menuntut penganutnya untuk memelihara kesucian perhubungan antara jantina dengan mengelakkan perbuatan ‘zina’, iaitu persetubuhan yang berlaku tanpa ikatan pernikahan yang sah di sisi Islam. Akan tetapi, novel menjelaskan bahawa kehidupan pada masa kini yang kompleks telah mendedahkan manusia dengan situasi-situasi tertentu yang boleh mendorong mereka menodai kesucian perhubungan lelaki-perempuan. Justeru, dalam usaha mengelakkan berlakunya perkara tersebut, novel berpendapat bahawa poligami dapat dimanfaatkan sebagai jalan penyelesaian yang praktikal, seperti yang dihujahkan dalam petikan berikut:

Dalam kehidupan moden yang begitu terdedah dengan segala macam godaan dan pancaroba, seseorang lelaki dan perempuan Islam harus berhati-hati dalam pergaulan mereka...Mereka diberi pilihan dalam agama kita, untuk meneruskan persahabatan itu atau memutuskannya. Seorang perempuan tidak boleh meneruskan persahabatan dengan seorang lelaki setelah dia berkahwin, kerana agama dan kebudayaan kita tidak membenarkan...ada orang yang ingin meneruskan persahabatan itu hingga ke akhir hayat, kerana mereka suka-menyukai satu sama lain (Mohd. Affandi 1999: 703).

Seterusnya, dalam usaha memperjelas dan memperincikan lagi pandangan/tafsiran di atas, novel membangkitkan soal ‘keperluan intelektual manusia’ sebagai salah satu daripada situasi yang relevan. Dalam konteks ini, novel menjelaskan bahawa dalam kehidupan sehari-hari, adakah lelaki dan wanita akan saling tertarik di antara satu sama lain bukan disebabkan tarikan seksual, tetapi lebih kepada kelebihan intelektual masing-masing. Akan tetapi, sebagai seorang Islam,

tarikan intelektual ini tetap tidak dapat mewajarkan pergaulan yang intim antara kedua-duanya, kerana hubungan sedemikian mendedahkan mereka terhadap bahaya zina. Dalam konteks ini, poligami diajukan dalam *Pujangga Melayu* sebagai satu penyelesaian yang membolehkan lelaki-perempuan yang saling memerlukan dari segi keperluan intelektual untuk memenuhi keperluan tersebut, dan pada masa yang sama dapat memelihara kesucian diri dan perhubungan mereka (rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani 2006: 121-159). Pemahaman ini, umpamanya jelas apabila novel menjelaskan bahawa terangkum dalam falsafah poligami ialah tiga perkara pokok, iaitu cinta (love), persahabatan (friendship) dan perkongsian (partnership) (Mohd. Affandi 1999: 703), dan perkara yang terakhir itu dijelaskan dalam *Pujangga Melayu* dengan merujuk kepada perkongsian yang bersifat intelektual antara lelaki-perempuan, sebagaimana yang kemudiannya dijelaskan novel secara lebih terperinci seperti dalam petikan di bawah ini:

...perkahwinan [poligami] saya [merujuk kepada Profesor Awang] bukanlah semata-mata perkahwinan jasmani untuk memuaskan keperluan tabii, tetapi lebih utama ialah untuk menunaikan kewajipan dan memenuhi keperluan intelektual....Sebagai orang beragama, saya tidak akan mengkhianati hukum-hukum agama saya. Malah bagi saya, itulah salah satu hikmah yang diberikan Allah Taala yang hanya dapat dirasakan di zaman moden ini, iaitu mempunyai perhubungan yang sah dan saling mengerti antara lelaki dan perempuan terpelajar, serta terdidik, untuk sama-sama membina rumah tangga bahagia (Mohd. Affandi 1999: 268).

Seterusnya, dalam usaha memperjelaskan lagi ‘wacana’ tentang poligami, novel menjadikan ‘cerita’ serta alat-alat penceritaan yang relevan sebagai sokongan. Untuk itu, novel menghadirkan watak-watak wanita yang bijaksana, kritis serta pandai berhujah dan dengan ciri-ciri perwatakan tersebut membolehkan pandangan/tafsiran protagonis tentang poligami diuji dan dipersoalkan dengan pandangan/tafsiran yang berbeza atau bertentangan. Sehubungan itu, novel menampilkan empat watak yang kesemuanya tampil sebagai wanita yang berpendidikan tinggi dan berilmu, iaitu Tengku Aini Faridah (arkitek), Dr. Aisyah (sarjana), Dr. Faridah (pakar psikologi kanak-kanak) dan Dr. Sarasvati/Salasiah (sarjana kesusasteraan), untuk dijadikan sebagai isteri-isteri kepada Profesor Awang. Penampilan sedemikian memungkinkan watak-watak tersebut dilengkapi dengan ciri-ciri perwatakan yang sesuai, iaitu sebagai wanita Islam yang bijaksana, kritis serta pandai berhujah. Dan seperti yang telah dinyatakan lebih awal, pertembungan antara protagonis dengan watak-watak wanita yang sedemikian, dengan sendirinya memungkinkan novel untuk mewujudkan pertembungan idea antara mereka, khususnya pandangan/tafsiran tentang poligami. Hal ini, umpamanya paling jelas pada pertembungan antara Profesor Awang dengan Dr. Sarasvati/Salasiah yang membolehkan novel untuk menghadirkan babak-babak perdebatan antara kedua-dua watak tentang poligami. Adalah menarik untuk dijelaskan bahawa kedua-dua watak ini mewakili dua lensa yang berbeza, iaitu Profesor Awang mewakili lensa lelaki Islam yang propoligami, manakala Dr. Sarasvati/Salasiah pula mewakili lensa wanita bukan Islam (sebelum

berkahwin dengan Awang) yang telah sedia prejudis tentang poligami. Pertembungan pandangan/tafsiran antara dua perspektif yang berbeza ini, dengan sendirinya membolehkan novel untuk mengisi ceritanya dengan hujah-hujah (wacana) yang substantif yang dinilai daripada dua perspektif yang berbeza, dan dengan cara itu dapat menawarkan satu perbincangan yang seimbang tentang poligami di sisi Islam.

Sejajar dengan idea tentang fungsi poligami yang boleh dimanfaatkan sebagai satu perkongsian intelektual, novel kemudiannya turut menceritakan kisah kehidupan poligami keluarga Profesor Awang yang ditampilkan sebagai sebuah keluarga intelektual. Sesungguhnya, kedudukan protagonisnya sebagai seorang intelektual yang dikahwinkan dalam novel ini secara poligami dengan empat orang wanita yang berpendidikan tinggi, dengan sendirinya menjadikan babak-babak yang berlegar sekitar hal-hal ilmiah begitu sesuai dan relevan. Sehubungan itu, babak-babak seperti pembentangan kertas kerja ilmiah di persidangan-persidangan, sesi diskusi ilmiah dan wawancara mengisi sebahagian besar kisah kehidupan poligami Awang, yang kesemuanya menggambarkan peranan dan sumbangan protagonis tersebut dalam kemajuan kerjaya isteri-isterinya, sama ada berupa sumbangan idea, bimbingan dan kerjasama dalam melaksanakan projek-projek akademik seperti penyelidikan, penulisan dan penerbitan buku, selain menjadi teman yang mengiringi isteri-isterinya ke persidangan di dalam dan luar negara. Begitu juga peranan keempat-empat isteri Awang yang digambarkan aktif dalam menjayakan perkongsian intelektual mereka melalui perkahwinan poligami dengan protagonis tersebut. Dalam hal ini, novel menceritakan tentang kelebihan dan keistimewaan isteri-isteri Awang. Umpamanya, Aini Faridah yang digambarkan sebagai seorang arkitek yang kreatif, Dr. Aisyah yang tajam daya kritikannya, Dr. Faridah yang cekap dalam mengakses maklumat serta Dr. Salasiah yang menjadi regu Awang dalam perbahasan tentang sastera. Adalah jelas bahawa selain memanifestasikan wacana yang diajukan, paparan cerita yang sedemikian menjelaskan satu perkara penting, iaitu peranan dan kedudukan lelaki-wanita yang saksama dalam menjayakan perkongsian intelektual melalui perkahwinan poligami, yang jelas diperlihatkan menguntungkan kedua-dua belah pihak (lelaki & wanita). Dalam konteks ini, kehadiran *Pujangga Melayu* dengan wacana dan cerita yang sedemikian dilihat dapat merealisasikan hasrat Affandi untuk mencabar persepsi negatif tentang poligami, seperti yang dibangkitkan pada awal perbincangan ini.

## KESIMPULAN

Dengan menjadikan *Tok Guru* dan *Pujangga Melayu* sebagai bahan kajian, perbincangan ini berhasil mengenal pasti beberapa persepsi penulis kreatif di Malaysia tentang poligami dan bagaimana pula persepsi tersebut disampaikan

secara kreatif dalam karya-karya mereka. Sehubungan itu, analisis ini mendapati bahawa poligami dalam *Tok Guru* dipersepsikan sebagai satu amalan perkahwinan yang memberikan implikasi yang berbeza-beza mengikut gender. Bagi kaum lelaki, poligami menjadi satu kelebihan yang menyeronokkan, dan justeru kesempatan untuk melaksanakannya mesti direbut dengan sebaiknya. Manakala bagi kaum wanita pula, poligami menjadi satu ‘musibah’ yang menjelaskan keharmonian hidup mereka. Analisis ini turut mendapati bahawa fungsi poligami dalam *Tok Guru* juga tertumpu pada perkara-perkara yang berlegar sekitar nafsu seks manusia. Hal ini, dengan sendirinya mengaitkan soal kelebihan (kepada kaum lelaki) dan musibah (kepada kaum wanita) tersebut juga kepada perkara-perkara yang bersifat seksual. Adalah jelas bahawa fungsi poligami yang tertumpu hanya kepada soal nafsu seks manusia, digambarkan boleh membuka ruang yang lumayan kepada berlakunya penyelewengan dalam praktik perkahwinan tersebut. Kesemua persepsi ini diperolehi dengan jelas melalui paparan cerita serta penggembangan alat-alat penceritaan dalam *Tok Guru*. Walau bagaimanapun, analisis terhadap *Pujangga Melayu* memberikan pemahaman yang berlainan, terutamanya apabila poligami dalam novel Affandi ini dipersepsikan sebagai satu praktik perkahwinan yang pada dasarnya menuntut persefahaman dan tanggungjawab yang setara antara lelaki dan wanita. Bertitik tolak daripada pemahaman tentang tanggungjawab setiap lelaki dan wanita Islam untuk memelihara kesucian diri, *Pujangga Melayu* hadir dengan ideanya yang menyarankan supaya poligami dimanfaatkan sebagai satu perkongsian intelektual yang memberikan manfaatnya yang saksama terhadap kedua-dua gender. Sesungguhnya, idea tentang fungsi poligami yang sedemikian bukan sahaja menenggelamkan soal nafsu seks yang seringkali dikaitkan dengan poligami (seperti yang diutarakan dalam *Tok Guru*), akan tetapi dan sekaligus menjadikan perkara-perkara seperti ilmu pengetahuan yang mendalam, kebijaksanaan dalam menangani masalah kehidupan, selain keimanan dan ketaqwaan kepada Pencipta, sebagai prasyarat utama yang membenarkan seseorang lelaki dan wanita Islam terlibat dalam praktis poligami. Persepsi sedemikian menimbulkan pengertian bahawa poligami dalam *Pujangga Melayu* bukan menjadi satu praktik perkahwinan yang layak diamalkan oleh sesiapa sahaja secara sewenang-wenangnya, melainkan setelah memiliki prasyarat tersebut, yang kesemuanya itu dianggap penting bagi membolehkan manusia berlaku adil dalam tindak-tanduk mereka. Analisis ini juga mendapati bahawa berbeza dengan *Tok Guru* yang memanfaatkan bentuk cerita dalam menyampaikan persepsi-persepsinya tentang poligami, *Pujangga Melayu* memanfaatkan bentuk wacana, selain cerita guna menyampaikan idea-idea di atas. Beberapa penemuan di atas, menunjukkan kedua-dua novel yang dikaji bukan sahaja memperagakan persepsi tentang poligami yang saling berbeza, tetapi juga cara penyampaian persepsi tersebut yang berkaitan dengan konsep ‘sastera’ yang mendasari penulisan mereka.

## NOTA

- <sup>1</sup> Beberapa perbincangan awal tentang poligami dalam *Tok Guru* dalam konteks perbandingannya dengan sebuah lagi novel Shahnon Ahmad, iaitu *Ummi & Abang Syeikhul* telah dibangkitkan pada kesempatan lain. Rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, “Poligami Islam dalam Novel *Tok Guru* dan *Ummi & Abang Syeikhul* oleh Shahnon Ahmad: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru”. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* (Jurnal Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia), Volume 12 (Oktober), 2005, hlm. 75-102. Walau bagaimanapun, makalah ini ditulis semula dengan hujah dan struktur penghujahan baru yang rata-rata tertumpu pada kesahihan kenyataan Shahnon yang terakam dalam autobiografinya bertajuk *Perjalananku Sejauh Ini: Sebuah Autobiografi* (2006).
- <sup>2</sup> Rujuk Ungku Maimunah Mohd. Tahir, “Salam Maria Daripada Perspektif Persuratan Baru”, kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006, anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya & Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (KEKKWA), di Hotel Armada, Petaling Jaya, pada 8-9 November 2006. Untuk memahami soal penggembangan “wacana” dan “cerita” dalam beberapa novel Melayu, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani & Ungku Maimunah Mohd. Tahir, “The Employment of Narrative Space in *Hikayat Faridah Hanom* by Syed Syeikh Al-Hadi and *Pujangga Melayu* by Mohd. Mohd. Affandi Hassan: A Comparative Analysis”, kertas kerja 13<sup>th</sup> Colloquium of The Malaysia Society of Australia, anjuran Faculty of Asian Studies, Australian National University (ANU), Canberra, Australia, 26-27 November 2004. Versi bahasa Melayu kertas kerja tersebut bertajuk “Persuratan Baru dan Penggembangan Ruang Naratif: Satu Kajian Perbandingan Antara *Hikayat Faridah Hanom* oleh Syed Syeikh Al-Hadi dengan *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan”, terkandung dalam prosiding *Seminar Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 374-422.

## RUJUKAN

- Al-Attas, S.M.N. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Ann Wan Seng. 2005. *Al-Arqam di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aveling, H. 2000. *Shahnon Ahmad: Islam, Power and Gender*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussain, A.W. 1999. *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective*. Oxford: Oxford University Press.
- Khadijah Aam. 1990. *Manisnya Madu (Siri Minda Abuya Imam Ashaari Muhammad At-Tamimi)*. Kuala Lumpur: Giliran Timur.
- Maskiah Masrom. 1989. Falsafah Perjuangan Jemaah Darul Arqam Sebagaimana Terserlah di dalam Cerpen *Al-Munir* dan *Al-Mukminah*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Mohd. Affandi Hassan. 1993. *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- \_\_\_\_\_. 2002. *Pujangga Melayu* dan Persuratan Baru menjadi duri dalam Daging Sastera Melayu Moden?. *Dewan Sastera*, Ogos: 6-11.
- \_\_\_\_\_. 2004. Kesusasteraan Melayu di Persimpangan Jalan: Anti-Intelektualisme, Hasad, Pandirisme. Kertas kerja Wacana Ilmiah Dunia Melayu dan Islam (DAMAI), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 21 Disember.
- \_\_\_\_\_. 2004. Seksualiti dalam Novel-novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru. Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- \_\_\_\_\_. 2005. Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan - Bahagian I. *Jurnal YADIM* 7, (Oktober): 1-16.
- \_\_\_\_\_. 2006. Wacana Seksualiti Insan. Dlm. Novel *Pujangga Melayu*, Mohd. Affandi Hassan. *SARI* 24 (Julai): 121-159.
- \_\_\_\_\_. 2006. Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru, Bahagian II. *Jurnal YADIM* 8 (Jun): 73-88.
- \_\_\_\_\_. 2007. Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru, Bahagian III. *Jurnal YADIM* 9 (Januari): 66-89.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2006. Wacana Seksualiti Insan. Dlm. Novel *Pujangga Melayu*, Mohd. Affandi Hassan. *SARI*. Jld. 24 (Julai): 121-159.
- \_\_\_\_\_. 2004. Seksualiti dalam Novel-novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru. Tesis Kedoktoran, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd. Zariat Abdul Rani & Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2004. Persuratan Baru dan Penggembangan Ruang Naratif: Satu Kajian Perbandingan Antara *Hikayat Faridah Hanom* oleh Syed Syeikh Al-Hadi dengan *Pujangga Melayu*. Prosiding Seminar Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau. Hlm. 374-422. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_. 2004. The Employment of Narrative Space in *Hikayat Faridah Hanom* and *Pujangga Melayu*: A Comparative Analysis. Kertas kerja 13<sup>th</sup> Colloquium of the Malaysia Society of Australia, Faculty of Asian Studies, Australian National University (ANU), Canberra. 26-27 November.
- Ooi Eng Lye. 2005. *Novel Terpilih Shahnon Ahmad: Satu Kajian Pendekatan Gender*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rakaman pertemuan peribadi antara Sasterawan Negara Datuk Profesor Emeritus Shahnon Ahmad dengan bekas pengasas Darul Arqam, Asyhaari Muhammad, Bahan Tidak Terbit (VCD), Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Serdang. BL65 P7P468.
- Shahnon Ahmad. 2006. *Perjalananku Sejauh Ini: Sebuah Autobiografi*. Pulau Pinang: Pustaka Shahnonahmad.
- \_\_\_\_\_. 1988. *Tok Guru*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2002. Bagaimanakah *Pujangga Melayu* Harus Ditafsirkan?. *Dewan Sastera*, Ogos: 36-43.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2006. Salam Maria daripada Perspektif Persuratan Baru. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006, anjuran Akademi

Pengajian Melayu, Universiti Malaya & Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (KEKKWA), Hotel Armada, Petaling Jaya. 8-9 November.

Mohd. Zariat Abdul Rani, Ph.D.  
Jabatan Bahasa Melayu,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.  
E-mail: zariat@fbmk.upm.edu.my